

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 Mei 2016

SOALAN

DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL (JELEBU) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan sebarang skim latihan atau peluang pekerjaan buat penghuni Sekolah Tunas Bakti setelah dibebaskan.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) prihatin terhadap penghuni Sekolah Tunas Bakti khususnya berkaitan dengan hala tuju dan masa depan mereka. Sekolah Tunas Bakti adalah Sekolah Diluluskan bagi tujuan pemulihan akhlak kanak-kanak sebagai mana ditetapkan di bawah seksyen 65 Akta Kanak-Kanak 2001. Sekolah ini bertujuan untuk: i. Memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal; dan ii. Mendidik kanak-kanak membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh dan melengkapkan diri dengan ketrampilan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menekankan empat aspek iaitu kelangsungan hidup, pelindungan, perkembangan dan penyertaan, Sekolah Tunas Bakti turut memastikan halatuju dan masa depan penghuni dipenuhi. Antara perkhidmatan yang disediakan kepada penghuni-penghuni adalah jagaan dan perlindungan, kaunseling dan bimbingan, pelajaran akademik dan kemahiran/vokasional, pendidikan agama/moral dan sukan/riadah. JKM telah mengambil inisiatif melaksanakan dwi-laluan pendidikan di mana penghuni boleh memilih untuk mengikuti pendidikan berteraskan akademik atau kemahiran/vokasional. Program ini dilaksanakan bagi persediaan kepada penghuni untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup setelah keluar dari institusi. Bagi program kemahiran/vokasional, sehingga tahun 2016, sebanyak 9 buah institusi Sekolah Tunas Bakti seluruh Malaysia telah menjalankan program yang melibatkan bidang industri seperti automotif, elektrikal, kimpalan, binaan bangunan, jahitan dan masakan. Justeru, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam memastikan Sekolah Tunas Bakti diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah (Accreditation Centre) dan diberi Persijilan Latihan Kemahiran Malaysia berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard/ NOSS). Selain melaksanakan Persijilan Kemahiran Malaysia, JKM turut menjalankan kerjasama dengan Giatmara Sdn. Bhd. bagi memastikan penghuni turut menerima latihan kemahiran yang sewajarnya. Melalui kerjasama ini, penghuni yang terlibat akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Giatmara mengikut bidang latihan yang diceburi. Bagi penghuni yang tidak mengikuti program SKM dan Giatmara, mereka akan menyertai latihan kemahiran yang dijalankan di institusi secara modular mengikut kompetensi pencapaian masing-masing. Pelaksanaan program latihan kemahiran di institusi dapat memberi manfaat dan impak yang lebih besar kepada penghuni di Sekolah Tunas Bakti. Memandangkan penghuni bukan sahaja melalui proses pemulihan dan pengintegrasian malah dilengkapkan juga dengan penanaman nilai-nilai kemahiran pekerjaan. Penganugerahan persijilan ini juga memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Penghuni yang terlibat juga akan lebih berdaya saing dan berpeluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka kelak sama ada melalui berkerja di sektor industri atau memulakan perniagaan sendiri berdasarkan kemahiran yang mereka miliki.

